

# Kakitangan awam kena bersemangat khidmat lebih cemerlang

BH - 23/5/2007

## Reaksi Presiden Persatuan Pegawai Rendah Polis Diraja Malaysia (PPRPD), Sub Inspektor Jamal Abdullah mengenai pengumuman kenaikan gaji dengan tambahan 20 peratus

**? Bagaimana sambutan ahli PPRPD mengenai pengumuman kenaikan gaji dengan tambahan sebanyak 20 peratus seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.**

**S**ebaik pengumuman dibuat, saya menerima beratus-ratus khidmat pesanan ringkas (SMS) termasuk panggilan telefon yang melahirkan rasa gembira dan bersyukur atas kenaikan gaji yang diterima kakitangan awam termasuk anggota polis. Kami semua berterima kasih kepada kerajaan dan rakyat yang menyokong supaya gaji anggota polis dinaikkan. Kami juga mengucapkan syabas kepada Cuepacs yang ber-

usaha membangkitkan isu gaji kakitangan awam. Dengan kenaikan itu, 85,000 ahli PPRPD daripada konstabel tambahan, polis Orang Asli dan pegawai rendah polis mendapat manfaat. Ternyata isu gaji ini bukan saja mendapat perhatian kerajaan, malah rakyat negara ini apabila undian SMS mengenai kenaikan gaji yang dianjurkan TV3 menunjukkan 98 peratus rakyat menyokong kenaikan gaji kakitangan awam. Kenaikan ini satu suntikan semangat untuk kami berkhidmat dengan lebih cemerlang.

**? Adakah tambahan kenaikan sebanyak 20 peratus itu dilihat sebagai keistimewaan yang diberi kepada anggota polis.**

**T**ambahan 20 peratus bukan keistimewaan sebaliknya ia adalah keprihatinan kerajaan terhadap keperluan anggota polis dan pemberian itu pastinya melihat banyak aspek. Antaranya, perbelanjaan yang perlu ditanggung terutama bagi anggota polis yang bertugas di bandar besar. Anggota polis adalah antara kumpulan bergaji paling rendah dengan gaji permulaan konstabel hanya antara RM650 hingga RM1,100 sebulan. Seba-

liknya, kadar kemiskinan di Kuala Lumpur ialah RM1,500. Jika gaji lebih rendah daripada itu, maknanya anggota pangkat rendah boleh dianggap di bawah paras kemiskinan.

**? Kenaikan gaji sering dikatakan menjadi penyuntik semangat, tetapi apa jaminan mutu kerja serta perkhidmatan pegawai polis akan meningkat selepas ini.**

**S**aya selaku Presiden bersama Exco PPRPD akan meneruskan usaha kami dan turun ke padang untuk menyampaikan amanat Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan kepada semua pegawai rendah polis di seluruh negara selepas pelantikan beliau September tahun lalu. Antara amanat KPN, supaya pegawai polis mengubah sikap, meningkatkan integriti, meningkatkan ilmu pengetahuan termasuk dalam bidang agama, bukan cegah rasuah, tetapi banteras rasuah dan jalinkan hubungan baik dengan masyarakat demi keselamatan negara akan terus diingatkan kepada anggota polis. Kami sudah menjelajah seluruh negara kecuali Johor dan Kuala Lumpur untuk menyampaikan amanat

KPN dan selepas pengumuman serta saranan Perdana Menteri, kami akan meneruskan usaha menjelajah sambil menyampaikan nasihat kepada semua ahli selepas ini. Maknanya, kami akan pergi ke akar umbi untuk mengingatkan mereka bahawa pemberian ini berserta dengan harapan tinggi untuk melihat polis melaksanakan tugas dengan lebih cekap dan berkesan. Sehubungan itu, PPRPD meminta semua anggota polis supaya menyahut seruan Perdana Menteri menjadikan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai pasukan terbaik di dunia. Saya menasihati pegawai polis pangkat rendah menunjukkan semangat kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada kerajaan dan pucuk pimpinan PDRM.

**? Adakah kenaikan gaji ini sudah memenuhi keperluan anggota polis atau masih ada permintaan lain yang ingin dikemukakan anggota polis dalam meningkatkan taraf kehidupan mereka.**

**S**oal kebajikan tidak perlu diperbesarkan. Kita perlu melihat proses bagaimana masalah yang dihadapi anggota polis diatasi selama ini. Kebanyakan keperluan kita cuba

dipenuhi kerajaan serta pucuk pimpinan PDRM. Ia membuktikan keprihatinan mereka. Oleh itu, tidak perlu kita tunjukkan kepada mereka kekurangan kerana saya yakin mereka sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan anggota polis. Tidak dinafikan banyak lagi keperluan anggota polis yang masih inginkan perhatian, tetapi biar ia dilakukan mengikut jalan betul. Contohnya, kenaikan gaji dibuat secara perbincangan pihak tertentu dan menerusi persefahaman yang dicapai, kita berjaya dalam permohonan kenaikan gaji kepada kerajaan. Begitu juga dengan isu lain membabitkan kebajikan serta keperluan anggota polis. Biar ia dilakukan langkah demi langkah. Kita jangan tamak, sudah dapat ini, nak minta yang lain pula. Bukan tidak boleh minta, tetapi biarlah pada masa dan keadaan yang sesuai. Sekarang, kita nikmati dulu pemberian kenaikan gaji ini. Kita ambil satu persatu, tidak boleh minta selonggok. Yang penting, kita tahu ada tindak balas daripada kerajaan. Justeru, kita nasihatkan bukan saja anggota polis tetapi kakitangan awam lain yang mendapat manfaat daripada kenaikan gaji supaya beringat apabila berbelanja.